

SOALAN NO.: 391

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
KAWASAN : KUALA TERENGGANU

SOALAN:

YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sebab-sebab 'LPT 2" di Terengganu mengalami masalah jalan tidak rata dan bergelembung serta nama syarikat pemborong utama yang bertanggungjawab bagi bahagian berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184km telah dibuka keseluruhannya kepada pengguna pada 31 Januari 2015 lalu.

Umumnya kualiti turapan jalan di LPT2 adalah baik dan mematuhi spesifikasi dan piawaian teknikal yang ditetapkan. Namun begitu kementerian ini mengenal pasti beberapa lokasi LPT2 yang agak beralun atau tidak rata, iaitu KM 263.6 dan KM 269.6 (di bawah tanggungan kontraktor Ahmad Zaki Sdn. Bhd.), KM 276.5 dan KM 280.6 (Cergas Murni Sdn. Bhd.) dan KM 413.0 (MTD Construction Sdn. Bhd.) Masalah jalan beralun itu tidak melibatkan aspek kegagalan struktur asas, tetapi merupakan kecacatan atau 'defect' yang tidak menjejaskan operasi keseluruhan lebuh raya berkenaan. Ia berpunca daripada faktor lebuh raya tersebut dibina di kawasan berpayau di mana ini memerlukan masa untuk proses pemadatan tanah yang sempurna.

Pada masa kini kerja-kerja pembaikan di lokasi yang melibatkan skop dan tanggungan di bawah kontraktor Ahmad Zaki Sdn. Bhd. dan Cergas Murni Sdn. Bhd. telah disiapkan. Manakala pembaikan di lokasi di bawah tanggungan MTD Construction Sdn. Bhd. pula kini sedang giat dilaksanakan dan ia dijangka akan disiapkan dalam tempoh masa terdekat. Walau bagaimanapun kementerian ini daripada semasa ke semasa sentiasa memantau aspek kualiti jalan dan tahap keselamatan LPT2 ini secara keseluruhan.

Sekian, terima kasih.